

24/04/2003

Kerajaan Malaysia tidak pernah jadi alat Barat

Anak Jati Negara

KENYATAAN Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, memuji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana sanggup menolak bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dibuat selepas kejatuhan kerajaan Iraq di tangan tentera penceroboh.

Ini jelas memaparkan hakikat Hadi baru nampak apa yang lebih dulu terlihat oleh Perdana Menteri.

Bagaimanapun, yang lebih penting bukannya pujian terhadap Dr Mahathir tetapi kefahaman rakyat terhadap keupayaan Malaysia menolak bantuan IMF.

Jika Hadi faham, beliau akan lebih menilai apa yang sudah dicapai oleh negara ini daripada membiarkan orangnya mengata nista terhadap Perdana Menteri.

Wakil rakyat Pas kawasan Kuala Kedah, Mohamad Sabu, menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'barua Amerika' dalam satu ceramah di Tanjung Malim baru-baru ini.

Lidah rasmi parti itu dalam keluaran 16 hingga 30 April 2003 pula mendakwa Malaysia membantu Amerika Syarikat.

Tuduhan itu dengan sendirinya tertolak apabila Hadi melihat kebenaran dan kewajaran dalam keberanian Dr Mahathir menolak strategi Amerika untuk

membonekakan kerajaan Malaysia dengan tekanan ekonomi.

Namun, beliau sendiri tidak memahami bagaimana kita boleh menolak bantuan itu jika kita tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan kewangan.

Kekuatan itu bukan terbina hari ini tetapi ia diasaskan sejak awal kemerdekaan apabila kita percaya kepada dasar terbuka meliputi penanaman modal luar dan penghantaran ribuan pelajar ke luar negara untuk menghasilkan sumber manusia yang dapat menyumbangkan idea dan fikiran bagi membangunkan negara.

Kita percaya kepada dasar hidup bersama dan pertalian membina dengan Barat.

Semua dasar itu adalah dasar yang ditolak oleh Pas dan juga Parti Rakyat, malah mereka menganggap Perdana Menteri pertama dan Umno sebagai alat penjajah kerana dasar itu.

Namun, dengan dasar itulah yang menjadikan kita bijaksana dan masih dapat bersuara dengan berani hingga dapat membina kemantapan ekonomi yang ada sekarang.

Kerajaan terpaksa menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menentang arus tentangan parti pembangkang yang mendapat sokongan negara sosialis, komunis dan Presiden Sukarno di Indonesia.

Negara yang menjerit kuat sebagai anti new colonialism dan menjadikan Islam sebagai musuh Barat sekarang tidak dapat berbuat apa-apa sekalipun darah orang Islam mengalir di depan mata mereka.

Kekuatan orang Islam tidak boleh ditentang dengan sikap anti-Barat yang melulu.

Kekuatan negara kita dibina oleh dasar Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, dan diteruskan oleh Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir, iaitu menyediakan makanan bukan peluru, rumah bukan berek dan pakaian bukan seragam.

Tidak ada jalan ke arah perpaduan Melayu jika pemimpin Pas tidak keluar daripada keegoan diri yang melulu dan keinginan untuk berpegang kepada kebenaran sendiri tanpa mereka mengenali dan mempelajari sejarah negara ini.

Jika dilihat dari sejarah awal kemerdekaan hingga sekarang, dapat dilihat Pas ialah parti yang menepati kata-kata Dr Mahathir, iaitu pengkhianat kepada bangsa dan negara.

Diharap tidak ada orang Melayu berkhayal ke arah perpaduan dengan golongan ini kecuali terus menunjukkan dan menyedarkan mereka sebagai golongan yang tidak relevan dengan negara serta dunia hari ini.

ANAK JATI NEGARA,
Kuala Lumpur.